



STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP)

**PELAN TINDAKAN
KECEMASAN,
KEBAKARAN DAN
BENCANA**

MAKMAL KESIHATAN AWAM KOTA BHARU

LOT 522 KM 10 JALAN KUALA KRAI, 16010 KOTA BHARU KELANTAN



Mka Kota Bharu

Disediakan oleh :

En Mohd Ezzar Bin Zamri

Pegawai Sains C44 (Kimia Hayat)

Penasihat :

Dr. Noor Hafizan Bt Mat Salleh

Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu

Alamat :

Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu

Lot 522 KM 10 Jalan Kuala Krai

16010 Kota Bharu Kelantan

Email : mkakb.moh@1govuc.gov.my

Telefon : 09-7138000

Kemaskini : 15 Februari 2023

KANDUNGAN

A. PENDAHULUAN	3
B. OBJEKTIF	3
C. PENGGUNAAN DAN SKOP SOP	3
D. TAKRIF	4
E. PROSEDUR	5
LAMPIRAN 1	13
MKAKB FIRE & SAFETY ORGANIZATION CHART	13
LAMPIRAN 2	14
BARISAN SEMASA BERKUMPUL DI ASSEMBLY POINT	14
LAMPIRAN 3	15
SENARAI TALIAN UNTUK DIHUBUNGI KETIKA BERLAKU KECEMASAN	15
LAMPIRAN 4	16
PELAN KECEMASAN ARAS 1	16
LAMPIRAN 5	17
PELAN KECEMASAN ARAS 2	17
LAMPIRAN 6	18
PELAN KECEMASAN ARAS 3	18

STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP)
PELAN TINDAKAN KECEMASAN, KEBAKARAN DAN BENCANA
MAKMAL KESIHATAN AWAM KOTA BHARU (MKAKB)

A. PENDAHULUAN

Kebakaran/ bencana adalah satu malapetaka yang boleh mengakibatkan kerosakan, kecacatan, kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa. Mangsa kebakaran dan bencana pada umumnya terperangkap disebabkan masalah laluan atau tiada pelan tindakan yang sistematik dan tersusun yang memungkinkan mangsa menyelamatkan diri.

B. OBJEKTIF

Standard Operating Procedures (SOP) - Pelan Tindakan Kecemasan, Kebakaran dan Bencana ini disediakan adalah untuk:

- i. Mengurangkan kesan kecemasan dan mengelakkan kemalangan jiwa terhadap anggota akibat daripada kebakaran dan bencana yang terjadi.
- ii. Mencegah dan mengurangkan kerosakan harta benda jabatan akibat daripada insiden kebakaran dan bencana yang terjadi.
- iii. Mengadakan pelan sistematik dan berkesan bagi memastikan anggota mengungsikan bangunan apabila berlakunya keadaan kecemasan akibat daripada kebakaran/bencana dengan segera dan teratur.

C. PENGGUNAAN DAN SKOP SOP

Penggunaan SOP ini adalah merangkumi semua kakitangan dan warga kerja yang bertugas di dalam bangunan MKAKB iaitu:

- i. Pegawai dan staf yang bertugas
- ii. Kakitangan *Support Service* (Adwaa Resources)
- iii. Kakitangan Kawalan Keselamatan
- iv. Pelanggan
- v. Pelawat

SOP ini juga mesti digunakan bagi menentukan pelan tindakan kecemasan, kebakaran dan bencana dilaksanakan secara seragam, terancang dan memenuhi segala prosedur keselamatan jika berlaku sesuatu kecemasan di bangunan MKAKB.

D. TAKRIF

Takrif adalah untuk memberi penjelasan mengenai beberapa perkara yang mempunyai makna penting yang perlu diingati dan difahami oleh pegawai dan kakitangan serta anggota yang terlibat semasa berlaku kecemasan:

NO.	PERKARA	TAKRIFAN
1.	Siren Amaran Kecemasan	Bunyi siren yang berpanjangan
2.	<i>Fire-Break Alarm Glass</i>	Kotak khas yang menyimpan suis siren amaran kecemasan.
3.	Penggera Kecemasan	Alat pengesan asap yang dipasang untuk memberi isyarat kecemasan.
4.	Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)	Kumpulan yang bertindak untuk mengesan lokasi kecemasan dan mengawal / memadam kebakaran.
5.	Pengungsian Bangunan	Kaedah / prosedur mengosongkan bangunan semasa berlaku sesuatu situasi kecemasan.
6.	<i>Assembly Point</i>	Lokasi selamat untuk berkumpul yang terletak jauh dari lokasi kecemasan/kebakaran

E. PROSEDUR

BIL.	PERKARA/ TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB	CATATAN/ SENARAI SEMAK
1.0	TERSEREMPAK ATAU MENGALAMI SITUASI KECEMASAN (KEBAKARAN/ LETUPAN/ KEBOCORAN GAS)		
1.1	Aktifkan penggera / siren kecemasan dengan cara memecahkan kaca pada <i>Fire-Break Alarm Glass</i> dan menjerit Api! Api! Api! (jika berlaku kebakaran).	Kakitangan yang terserempak atau terlihat situasi kecemasan.	
2.0	SIREN AMARAN KECEMASAN		
2.1	Periksa pada <i>panel monitor</i> untuk mengesan lokasi penggera yang diaktifkan (lokasi kecemasan) dan laporkan kepada <i>Emergency Commander</i>. *Jangan tinggalkan Bilik Kawalan sebelum mendapat arahan dari <i>Emergency Commander</i>	Pegawai Y/M Bilik Kawalan	Index 1: Senarai Nama ahli OKK
2.2	Periksa lokasi tersebut untuk mengenalpasti jenis kecemasan / tahap kebakaran	<i>Fire Fighting Team</i>	
2.3	<u>TIADA Situasi Kecemasan</u> Laporkan kepada <i>Emergency Commander</i> bahawa siren amaran kecemasan tersebut adalah <i>False Alarm</i>. <i>Reset</i> / hentikan siren amaran kecemasan dan buat Pengumuman 1. “Sila ambil perhatian, siren amaran kecemasan sebentar tadi adalah <i>False Alarm</i>. Sila kembali bertugas. Sekian, terima kasih”.	<i>Fire Fighting Team</i> <i>Emergency Commander</i>	

2.4	<u>ADA Situasi Kecemasan</u> Laporkan kepada <i>Emergency Commander</i> bahawa telah berlaku situasi kecemasan. Buat Pengumuman 2. “SILA AMBIL PERHATIAN! Semua penghuni bangunan ini diarah untuk mengungsikan bangunan dengan segera dan harap bertenang. Sila gunakan laluan kecemasan yang berdekatan dan anda dilarang menggunakan lif. Sila berkumpul di <i>assembly point</i> mengikut barisan yang telah ditetapkan”	<i>Fire Fighting Team</i> <i>Emergency Commander</i>	
3.0	JENIS SITUASI KECEMASAN		
3.1	<u>Kebakaran atau Letupan Kecil / Kebocoran Kecil Gas (Boleh Dikawal)</u> Bagi situasi kebakaran atau letupan kecil, cuba padamkan api dengan menggunakan peralatan pemadam api yang disediakan: i. <i>Fire extinguisher</i> ii. <i>Hose reel</i>	<i>Fire Fighting Team</i>	
3.2	Bagi situasi kebocoran gas yang sedikit, tutup paip gas utama yang membekalkan gas ke lokasi tersebut dan buka semua tingkap yang terdapat di lokasi tersebut.	<i>Fire Fighting Team</i>	
3.3	Setelah api dipadamkan atau kebocoran gas dihentikan, laporkan kepada <i>Emergency Manager</i> bahawa situasi kecemasan telah diatasi.	<i>Fire Fighting Team</i>	
3.4	Reset / hentikan siren amaran kecemasan dan buat Pengumuman 3. “Sila ambil perhatian, keadaan kecemasan yang mengakibatkan siren amaran kecemasan sebentar tadi telah diatasi. Sila kembali bertugas. Sekian, terima kasih”.	<i>Emergency Commander</i>	

3.5	<u>Kebakaran atau Letupan Besar / Kebocoran Besar Gas (Tidak Boleh Dikawal)</u> Kenalpasti dengan tepat kawasan yang berlaku kebakaran.	<i>Fire Fighting Team</i>	
3.6	Arahkan semua penghuni bangunan untuk keluar dengan segera.	<i>Floor Warden</i>	
3.7	Hubungi Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan berikan maklumat berikut i. Maklumat ringkas pengadu ii. Alamat tempat kebakaran iii. Peringkat kebakaran iv. Maklumat ringkas berkaitan lokasi kebakaran v. Ikuti tindakan lanjut pihak JBPM	<i>Emergency Manager</i>	Index 3: Senarai No Tel Untuk Dihubungi Ketika Kecemasan
3.8	Cuba padam/ kawal api dari terus merebak sementara memberi laluan kepada penghuni bangunan yang lain menyelamatkan diri. Gunakan peralatan pemadam kebakaran yang disediakan: i. <i>Fire extinguisher</i> ii. <i>Hose reel</i>	<i>Fire Fighting Team</i>	
3.9	Jalankan pencarian / berikan bantuan kepada mangsa yang cedera / terperangkap jika ada / mampu.	<i>Search and Rescue Team</i>	
3.10	Pastikan semua penghuni bangunan telah keluar.	<i>Floor Warden</i>	
3.11	Keluar dari bangunan dan berkumpul di <i>assembly point</i> .	<i>Floor Warden</i>	
3.12	Arahkan Pegawai Y/M Bilik Kawalan untuk mematikan suis utama bangunan.	<i>Emergency Commander</i>	

3.13	Keluar dari bangunan dan berkumpul di <i>assembly point</i> .	<i>Emergency Commander & Pegawai Y/M Bilik Kawalan</i>	
3.14	Laporkan keadaan semasa kepada Ketua Jabatan.	<i>Emergency Manager</i>	
4.0	TINDAKAN PENGUNGSIAN BANGUNAN		
4.1	Jangan panik apabila mendengar siren amaran kecemasan. Berhenti daripada melakukan tugas dan tumpukan kepada arahan yang akan diberikan.	Semua penghuni bangunan	
4.2	Simpan dan kunci semua dokumen rasmi/sulit yang penting di dalam kabinet atau almari besi.	Semua penghuni bangunan	
4.3	Pastikan barang peribadi yang penting (beg tangan/telefon bimbit) dibawa bersama atau disimpan.	Semua penghuni bangunan	
4.4	Matikan semua peralatan seperti komputer dan lain-lain. *Peralatan yang beroperasi 24 jam dan <i>Biological Safety Cabinet</i> adalah dikecualikan.	Semua penghuni bangunan	
4.5	Apabila pengumuman / arahan pengungsian bangunan dikeluarkan, beredar dari bilik kerja dengan cepat dan pergi ke <i>assembly point</i> .	Semua penghuni bangunan	
4.6	Tutup pintu bilik kerja setelah semua penghuni keluar.	Penghuni terakhir yang keluar dari bilik.	
4.7	Bawa bersama <i>First Aid Kit</i> semasa keluar dari bangunan.	<i>First Aider</i>	Index 1: Senarai Nama <i>First Aider</i>


4.8	Gunakan laluan kecemasan yang telah disediakan. Pilih pintu dan tangga kecemasan yang terdekat. *Tidak dibenarkan menggunakan lif dalam situasi kecemasan.	Semua penghuni bangunan	
4.9	Jangan masuk semula ke dalam bangunan sekiranya tertinggal barangan peribadi.	Semua penghuni bangunan	
4.10	Berhimpun di <i>assembly point</i> mengikut barisan yang telah ditetapkan.	Semua penghuni bangunan	Index 3: Barisan di <i>assembly point</i>
4.11	Kawal laluan masuk ke bangunan supaya tiada penghuni yang masuk semula ke dalam bangunan.	<i>Security</i>	
4.12	Kawal laluan masuk ke MKAKB supaya tiada kenderaan masuk dan menghampiri Kawasan kejadian.		
4.13	Laporkan segera kepada <i>Evacuation Commander</i> sekiranya mengesyaki ada kakitangan yang masih berada di dalam bangunan.	Semua penghuni bangunan	
4.14	Semak / sahkan senarai kehadiran dan laporkan kepada <i>Emergency Commander</i> dan <i>Emergency Manager</i> .	<i>Evacuation Commander</i>	
4.15	Sediakan alat tulis dan buat catatan berkaitan semua kejadian / situasi yang berlaku berdasarkan berserta masa berlaku.	<i>Historian</i>	
4.16	Laporkan kepada Pegawai JBPM berkenaan situasi semasa : i. Jenis kecemasan ii. Lokasi kecemasan iii. Jumlah kehadiran kakitangan (yang telah berkumpul dan yang masih terperangkap)	<i>Emergency Manager</i>	

4.17	Beri rawatan kepada mangsa jika ada dan hubungi ambulans jika perlu.	<i>First-aider</i>	
4.18	Masuk semula ke dalam bangunan HANYA apabila diberi kebenaran oleh <i>Emergency Manager</i> selepas keadaan adalah disahkan selamat.	Semua penghuni bangunan	
5.0	TERPERANGKAP DI DALAM KEBAKARAN		
5.1	Jangan cemas dan ikuti langkah-langkah berikut: - Rebahkan diri, merangkak di paras lantai untuk mencari jalan keluar atau bilik yang selamat. (Udara bersih masih boleh di peroleh di paras 1 kaki dari lantai). - Rasai kepanasan pintu sebelum dibuka dengan menggunakan belakang tangan. - Masuk bilik yang selamat (sebaik-baiknya berhadapan dengan jalan) - Sumbat celahan bawah pintu (gunakan kain) untuk menghalang asap daripada masuk ke dalam bilik. - Hampiri tingkap dan dapatkan perhatian daripada pasukan penyelamat (menjerit atau kibarkan kain dan sebagainya) - Jika mempunyai telefon bimbit, hubungi pasukan penyelamat dan beritahu lokasi anda beserta bilangan orang yang terperangkap. - Jangan cemas dan jangan terjun dari bangunan.	Penghuni yang terperangkap di dalam bangunan	

6.0	PAKAIAN TERBAKAR		
6.1	Jangan cemas dan ikuti langkah-langkah berikut: i. Jangan berlari. Berhenti dan bertenang. ii. Sama ada anda berada di dalam atau di luar bangunan, segera rebahkan tubuh dan tutup muka dengan tapak tangan. iii. Bergolek beberapa kali untuk memadamkan api.	Penghuni yang mengalami pakaian terbakar	
7.0	KECEDERAAN AKIBAT KEBAKARAN (MELECUR)		
7.1	i. Darjah Pertama (Melecur sedikit melibatkan kebakaran kulit di bahagian luar sahaja) ii. Darjah Kedua (Kelecuran kulit yang serius dan memerlukan rawatan segera) iii. Darjah Ketiga (Kelecuran yang lebih parah, melibatkan tisu-tisu di dalam badan yang memerlukan rawatan kecemasan dari pegawai perubatan).		
8.0	RAWATAN AWAL : MELECUR DARJAH PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA		
8.1	i. Melecur Darjah Pertama dan Kedua (Sejukkan bahagian yang melecur dengan mengalirkan air selama 10-15 minit). ii. Melecur Darjah Ketiga (Tutup bahagian yang melecur menggunakan kain yang tidak berbulu. Tunggu sehingga bantuan perubatan tiba. Baringkan mangsa dan jangan buka pakaiannya kerana ia mungkin terlekat pada bahagian kulit.)	Penghuni yang mengalami kecederaan / <i>First-Aider</i>	

LAMPIRAN

MKAKB FIRE & SAFETY ORGANIZATION CHART



LAMPIRAN 2

BARISAN SEMASA BERKUMPUL DI ASSEMBLY POINT


BARISAN	ANGGOTA
1.	Bahagian Pengurusan (Aras 1)
2.	Kaunter Penerimaan Sampel (Aras 1)
3.	Bahagian Makanan (Aras 2)
4.	Unit Parasitologi (Aras 2)
5.	Unit Bakteriologi (Aras 3)
6.	Unit Molekular (Aras 3)
7.	Unit Mikobakteriologi (Aras 3)
8.	Unit Biokimia & Serologi (Aras 3)
9.	Unit Pencucian & Autoklaf (Aras 3)
10.	Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH)

LAMPIRAN 3

SENARAI TALIAN UNTUK DIHUBUNGI KETIKA BERLAKU KECEMASAN

BIL.	NAMA	JAWATAN	JABATAN/BAHAGIAN/ SEKSYEN/UNIT	NOMBOR TALIAN
1.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	-	Ibupejabat Kota Bharu	09-7487444
		-	Balai Bomba dan Penyelamat, Ketereh	09-7884444
2.	Polis DiRaja Malaysia	-	IPD Kota Bharu	09-7752200
		-	Balai Polis Nilam Puri	09-7126722
3.	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)	-	Kota Bharu	09-7413041
4.	Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II	-	Kota Bharu	09-7452000
5.	Klinik Kesihatan Perol	-	Kota Bharu	09-7123337
6.	Dr. Noor Hafizan bt Mat Salleh	Pengarah MKAKB	MKAKB	012-8209554
7.	Dr. Nik Hazma bt Nik Husain	Ketua Bah. Pengurusan MKAKB	MKAKB	019-7629011
8.	En. Mohd Sanusi b Che Lah	Ketua Bah. Penyakit MKAKB	MKAKB	019-9226457
9.	Pn. Noor Asma bt Shaari	Ketua Bah. Makanan MKAKB	MKAKB	011-18537421
10.	Mohd Ezzar b Zamri	Setiausaha JKKP MKAKB	MKAKB	017-9691529
11.	Dr. Yelmizaitun bt Othman	Ketua Unit KPAS JKN	Cawangan Kawalan Penyakit	013-9814767

PELAN KECEMASAN ARAS 1




The floor plan is divided into several functional areas:

- Top Section:** Includes rooms for 'PENYEDIAAN PCR', 'BILIK PCR', 'BILIK KULTUR', 'BILIK INOKULASI', 'BILIK SAMPEL MAKANAN', 'STOR', 'TANGGA 1', 'TANDAS LELAKI', 'JANITOR', 'PEREMPUAN', 'TANDAS', 'CLEAN-UP', and 'BILIK INSTRUMENTATION & PENYEDIAAN SAMPEL'. There are three exits labeled 'TANGGA 1', 'TANGGA 2', and 'TANGGA 3' with arrows pointing outwards.
- Central Section:** Features a 'LOBI LIF', 'LIF', 'SESALUR MEKANIKAL', 'SESALUR ELETRIKAL', and a central 'KORIDOR' with a large blue banner reading 'LALUAN KECEMASAN' (Emergency Route).
- Bottom Section:** Includes 'BILIK AUTOCLAVE', 'BILIK CUCI', 'PENYEDIAAN MEDIA-FOOD', 'PENYEDIAAN MEDIA-DISEASES', 'STOR BAHAN KIMIA & BAHAN PAKAI BUANG', 'BILIK SAMPEL MAKANAN KIMIA-KERING', 'BILIK SAMPEL MAKANAN KIMIA-BASAH', 'BILIK LAPORAN', 'ANALISIS 1', 'ANALISIS 2', 'ANALISIS 3', 'ANALISIS 4', 'ANALISIS 5', 'BILIK PENIMBANG', 'BILIK TLC', 'MAKMAL KIMIA UTAMA', 'GFAAS & PENYEDIAAN SAMPEL', and 'GFAAS'.

Arrows indicate the flow of movement and emergency exits throughout the facility.

PINTU

PELAN KECEMASAN ARAS 3



PETUNJUK :-



ALAT PEMADAM API



Anda Di Sini



PINTU